**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN)
PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MEJAR (B) NOR IBRAHIM BIN SULAIMAN (TOKOH JURUTERBANG NURI)

**NOOR NATASHA NABILAH BINTI MOHAMAD AZIZ (2015143615)**

**NURUL WAHIDA BINTI AZHAR (2015148975)**

SEMESTER MAC – JULAI 2017

| NO. | ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| **1.0** | SENARAI SINGKATAN PERKATAAN | 1-2 |
| **2.0** | PENGHARGAAN | 3 |
| **3.0** | ABSTRAK | 4 |
| **4.0** | PENGENALAN | 5-7 |
| **5.0** | BIODATA | |
| | 5.1 BIODATA PENEMUBUAL | 8-9 |
| | 5.2 BIODATA TOKOH | 10 |
| **6.0** | TRANSKRIP TEMUBUAL | 11-57 |
| **7.0** | RALAT | 58 |
| **8.0** | SENARAI SOALAN-SOALAN TEMURAMAH | 59-63 |
| **9.0** | LOG WAWANCARA | 64-66 |
| **10.0** | INDEX | 67-74 |
| **11.0** | RUJUKAN | 75 |
| **12.0** | LAMPIRAN | 76-82 |
| **13.0** | DIARI PENYELIDIKAN | 83-84 |

NURUL WAHIDA BINTI AZHAR (2015148975)
NOOR NATASHA NABILAH BINTI MOHAMAD AZIZ (2015143615)

## 1.0 SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

| | |
|---|---|
| NURI | Helikopter Tentera |
| MCE | Malaysian Certificate Education |
| ACS | Anglo Chinese School |
| LCE | Lower Certificate Education |
| SRP | Sijil Rendah Pelajaran |
| QT | Qualifying Test |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| STPM | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia |
| U | Universiti |
| UK | United Kingdom |
| ITM | Institut Teknologi Mara |
| ACCA | Association of Chartered Certified Accountants |
| UTM | Universiti Tentera Malaysia |
| MTD | Maktab Tentera Diraja |
| TUDM | Tentera Udara Diraja Malaysia |
| UPM | Universiti Pertahanan Malaysia |
| RISDA | Rubber Industry Smallholders Development Authority |
| DTC | D Training Center |
| LI | Language Institute |
| RTC | Regional Training College |
| MTC | Malaysian Teacher College |
| IPG | Institut Peruguruan |
| OPS | Operasi |
| PGA | Pasukan Polis Hutan |
| TQM | Total Quality Management |
| PTS | Publications & Distributors Sdn.Bhd |
| PHD | Doctor of Philosophy |

| | |
|---|---|
| PKM | Parti Komunis Malaya |
| UITM | Universiti Teknologi Mara |
| PLKN | Pusat Latihan Khidmat Negara |
| PTU | Pingat Tentera Udara |
| SP | Seri Pahlawan |
| PGB | Panglima Gagah Berani |
| JPP | Jasa Perkasa Persekutuan |
| ARMY | Tentera Darat Diraja Malaysia |
| NAVY | Tentera Laut Diraja Malaysia |
| UPNM | University Pertahanan Nasional Malaysia |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |

## 2.0 PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S. W.T. selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhamad S.A.W. Pertama sekali kami memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dapat kami menyiapkan transkrip ini. Selain itu, kami amat bersyukur kerana dikurniakan kesihatan yang berpanjangan sepanjang menjalankan wawancara dan juga sewaktu menyiapkan tranksrip ini. Dalam menyiapkan transkrip ini kami telah dibantu oleh banyak pihak. Oleh yang demikian, di sini kami ingin menyatakan penghargaan kepada semua yang terlibat.

Pertamanya, kami ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kami iaitu Dr. Azree B. Ahmad yang telah banyak memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan tugasan pengkisahan sejarah ini. Di samping itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada senior kami di atas kesudian beliau menjadi pemandu kami untuk ke tempat temuramah. Beliau juga sudi meminjamkan telefon bimbit beliau untuk audio rakaman kami.

Seterusnya, jutaan terima kasih diucapkan kepada tokoh yang telah kami temuramah iaitu Tuan Mejar (B) Nor Ibrahim Bin Sulaiman, di atas kesudian beliau meluangkan masa dan memberi kerjasama kepada kami sepanjang wawancara dijalankan. Tidak lupa juga, kepada ahli keluarga kami terima kasih diucapkan di atas sokongan moral dan doa yang berterusan. Tambahan lagi, kami juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat membantu kami dalam menyiapkan tugasan ini.

Akhir kata, kami berharap agar hasil tugasan kami ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan juga kepada generasi akan datang. Sekian, terima kasih.

**NURUL WAHIDA BINTI AZHAR (2015148975)**
**NOOR NATASHA NABILAH BINTI MOHAMAD AZIZ (2015143615)**

## 3.0 ABSTRAK

*Artikel ini mengisahkan tentang wawancara bersama Tuan Mejar (B) Nor Ibrahim Bin Sulaiman mengenai coretan hidup dan pengalaman beliau sebagai seorang pegawai tentera yang banyak terlibat dengan operasi besar-besaran. Transkrip wawancara ini dijalankan di Padang Golf Darulaman, Jitra, Kedah berhampiran kediaman beliau. Wawancara ini telah dijalankan selama sehari yang mengambil masa selama satu jam tiga puluh satu minit lima belas saat pada 14 May 2017 bermula pada jam sembilan empat puluh lima pagi dan berakhir pada jam sebelas enam belas minit pagi. Beliau mula mendapat pendidikan awal di Sekolah King Edward VII, Taiping, Perak Darul Ridzuan. Seterusnya, beliau meneruskan pengqjian di Maktab Tentera Diraja (MTD), Sungai Petani, Kedah Darulaman pada tahun 1967 sehingga 1969. Beliau merupakan seorang pegawai tentera yang berpengalaman sebagai anggota Tentera Udara Malaysia (TUDM) atau lebih dikenali sebagai juruterbang NURI. Sepanjang berkhidmat di dalam anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sebagai juruterbang NURI, beliau pernah terlibat dengan pelbagai operasi, menghadiri kursus-kursus termasuk kursus penerbangan khusus untuk pilot dan pernah dianugerahkan sebagai anggota cemerlang di TUDM Labuan. Transkrip ini telah mengupas pengalaman beliau bermula dari penglibatan awal beliau dalam Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia sehingga beliau bersara. Di akhir wawancara dalam transkrip ini, kami telah meminta pandangan beliau berkaitan ketenteraan pada masa kini.*

---

**Kata kunci:** Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Maktab Tentera Diraja (MTD), NURI, operasi, kursus, anugerah

memberi pertolongan dengan pesawat NURI dan diiringi oleh Gunship iaitu helikopter MachineGun. Tak lama kemudian, pesawat yang kedua daripada Butterworth pun tiba. Pesawat tersebut telah diarahkan untuk mengangkat mangsa-mangsa yang telah terkorban. Mereka terpaksa menggunakan tali untuk mengangkat mayat tersebut kerana lokasinya yang agak terpencil dalam keadaan pesawat terapung. Mejar (B) Nor Ibrahim Sulaiman telah mengangkat mayat kawannya iaitu Kapten Harjeet Singh yang telah terkorban dan menghantar balik mayat tersebut ke Gubir. Terdapat sebanyak lapan belas lubang kesan tembakan pada mayat itu. Empat orang lagi mangsa ditinggalkan di tempat kejadian dan mereka akan diambil kemudian.

Mejar (B) Nor Ibrahim Sulaiman juga telah menceritakan pengalaman beliau sendiri semasa beliau ditugaskan untuk menghantar makanan kepada pasukan polis hutan di Kelian Intan, Perak. Pasukan beliau terkena tembakan semasa misi tersebut dijalankan. Beliau tidak menyedari tentang serangan itu kerana beliau terlalu fokus melihat peta lokasi sehingga beliau dimaklumkan oleh Leftenan Yahya, iaitu pembantu juruterbang tentang tembakan bom tersebut. Selepas mengetahui tentang kejadian itu, beliau telah menjenguk ke luar tingkap dan melihat semua anggota polis hutan sedang berlari mencari tempat perlindungan. Selepas itu, beliau mula mengarahkan Quarter Master untuk berlepas tetapi tidak diendahkan kerana Quarter Master tergamam melihat situasi tersebut. Setelah arahan ketika disuarakan, barulah Quarter Master memberi kelulusan untuk untuk berlepas. Gegaran bom yang tersangat kuat telah menyebabkan helikopter NURI bergoyang.

Mejar (B) Nor Ibrahim Sulaiman telah menyertai satu lagi operasi iaitu operasi Selamat Sawadee di Thailand pada tahun 1980. Operasi ini dijalankan untuk mengeluarkan askar-askar daripada kawasan-kawasan Siam, Thailand untuk dibawa balik ke markas tentera. Semasa beliau sampai ke tempat kejadian, beliau telah mendarat dikawasan yang lapang yang terletak diatas bukit. Beliau perlu menyelamatkan seramai sepuluh orang anggota askar. Semasa misi menyelamatkan mangsa dilakukan, mangsa yang terakhir telah ditembak dan terkena dibahagian kepala. Manakala, Quarter Master iaitu Mohsin juga terkena tembakan dibahagian tangan. Semasa kejadian tembakan tersebut, Mohsin sedang berdiri disebelah tangga helikopter untuk menyelamat mangsa terakhir.

NURUL WAHIDA BINTI AZHAR (2015148975)
NOOR NATASHA NABILAH BINTI MOHAMAD AZIZ (2015143615)

Mejar (B) Nor Ibrahim telah berkongsi detik-detik getir beliau sepanjang mengendalikan helikopter NURI semasa terlibat dalam operasi. Beliau meluahkan perasaan beliau ketika menghadapi detik cemas sewaktu pasukan konvoi beliau telah dibom dari belakang. Beliau juga berkongsi pingat-pingat yang dianugerahkan kepadanya selain menunjukkan koleksi buku-buku beliau. Beliau menyatakan perasaan bangga dan gembira dengan pingat yang diperoleh kerana ia adalah satu pengiktirafan kepadanya. Beliau juga ada memberitahu tujuan beliau menulis buku kerana ingin meluahkan perasaan ketidakpuasan hati beliau terhadap kepulangan Chen Peng ke Malaysia.

Mejar (B) Nor Ibrahim Sulaiman telah dianugerahkan pingat PTU (Pingat Tentera Udara) yang tergolong dalam golongan Anugerah Perkasa Persekutuan. Melalui anugerah yang diterima, beliau telah diberi elaun sebanyak seribu ringgit setiap sebulan sehingga meninggal. Walaubagaimanapun, anugerah PTU ini telah dimansuhkan pada Julai 2011. Beliau telah pergi memperjuangkan hak beliau untuk mendapatkan elaun tersebut secara bersendirian.

Di pengakhiran temubual, beliau telah menasihati kepada golongan remaja supaya banyak membaca dan mengetahui sejarah negara Malaysia. Beliau juga berpesan supaya golongan ini menghargai jasa-jasa veteran dalam memperjuangkan keamanan negara semasa negara menghadapi konflik dengan komunis. Beliau menyeru anak-anak muda supaya menyemaikan semangat patriotism dalam diri masing-masing. Ini menunjukkan beliau adalah seorang yang mementingkan keamanan negara, keharmonian bangsa, berkarisma, bertanggungjawab, tidak sombong dan ikhlas dalam menjalankan tugas.

# 5.0 BIODATA

## 5.1 BIODATA PENEMUBUAL



Nama: Nurul Wahida Binti Azhar

Umur: 22 Tahun

Kursus: Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan

E-mel:

No. Telefon:

NURUL WAHIDA BINTI AZHAR (2015148975)
NOOR NATASHA NABILAH BINTI MOHAMAD AZIZ (2015143615)



Nama: Noor Natasha Nabilah Binti Mohamad Aziz

Umur: 23 Tahun

Kursus: Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan

Perpustakaan E-mel:

No. Telefon:

## 5.2 BIODATA TOKOH



Nama : Mejar (B) Nor Ibrahim Bin Sulaiman

Umur : 68 Tahun

TarikhLahir :

TempatLahir :

TempatTinggal :

Kerjaya : Bersara sebagai anggota Juruterbang Helikopter TUDM(NURI)

Pendidikan : Sekolah King Edward VII, Taiping

: Maktab Tentera Diraja (MTD), Sungai Petani (1967-1969)

Status :Berkahwin dengan Siti Roffini Binti Mohd Yusof

E-mail :

No. telefon :

Anugerah : PTU (Pingat Tentera Udara)

## 6.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Berikut ialah rakaman temubual sejarah lisan bersama Mejar (B) Nor Ibrahim Bin Sulaiman yang merupakan seorang pesara juruterbang tentera udara (NURI) mengenai sejarah hidup beliau dan pengalaman beliau sebelum dan semasa bertugas sebagai juruterbang NURI. Rakaman ini dijalankan di Darul Aman Golf Resort, Jitra Kedah pada empat belas hari bulan Mei dua ribu tujuh belas (14 Mei 2017) dari jam sembilan empat puluh lima pagi. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Wahida bt Azhar dan Noor Natasha Nabilah bt Mohd Aziz.

**Wahida : Assalamualaikum, tuan apa khabar?**

Tuan Nor : Waalaikumussalam, alhamdulillah.

**Wahida : Sebelum kita start (mula) temubual ini, saya memperkenalkan diri saya dulu. Saya Nurul Wahida, panggil Wawa.**

**Natasha : Saya Noor Natasha Nabilah, panggil Tasha.**

**Wahida : Boleh kami tahu nama penuh tuan?**

Tuan Nor : Nama penuh saya adalah N.O.R [mengeja satu-persatu] Ibrahim bin Sulaiman.

**Wahida : Okay, hurmm. Tempat tinggal tuan?**

Tuan Nor : Tinggal di Darul Aman, disini lah.

**Wahida : Ooo, dekat sini la? Perumahan sini la?**

Tuan Nor : Ya, satu kilometer.

**Wahida : Tuan dibesarkan dekat sini ke?**

Tuan Nor : Tak, saya adalah orang Perak. Saya dilahirkan di Kuala Kangsar, Perak.

Tapi masa tu saya habiskan pengajian saya di Taiping.

**Wahida : Jadi lepas tuan dibesarkan dekat sana tu, pastu [lepas itu] tinggal sini la?**

Tuan Nor : Sini kerana saya udah [sudah] kahwin dengan orang sini. Orang Kedah.

**Wahida : Ohhh, okay. Boleh tak tuan ceritakan sedikit sebanyak tentang latar belakang tuan?**

Tuan Nor : Okay, saya anak kedua daripada enam orang. Mendapat pendidikan di Sekolah Melayu, di Lumut. [bib 2x mesej masuk]. Lepas itu, saya masuk ke [berfikir]. Daripada Sekolah Melayu pergi ke Sekolah Inggeris, di Anglo Chinese School Setiawan, Perak. Daripada remove class [kelas peralihan] ke tingkatan dua, dan pada tahun 64 [1964], saya ikut bapak [mengikut bapa] saya berpindah ke Taiping. Dan disana saya ambil, saya belajar di sekolah King Edward VII sehingga Senior Cambridge pada tahun 66 [1966]. Selepas lulus Senior Cambridge dan MCE, saya masuk Maktab Tentera Diraja daripada tahun 67 [1967] sehingga 69 [1969] sebagai kadet, kadet tentera darat. Jadi lepas habis, selepas ditauliahkan sebagai pegawai tentera, tentera darat, dan masuk berkhidmat ditukarkan sebagai pegawai meriam. Tapi saya tak minat [tidak berminat] dengan pasukan meriam, jadi saya minta tukar dijadikan P Master. Jadi tahun 73 [1973] saya mengikuti kursus penerbangan dan tahun 74 [1974], saya

pun menjadi seorang pilot [juruterbang].

**Wahida : Tahun 74 [1974] ? Erm, nama isteri encik?**

Tuan Nor : Siti Roffini, R.O.F.F.I.N.I [mengeja satu persatu] binti Mohd Yusof.

**Wahida : Apakah falsafah hidup tuan?**

Tuan Nor : Ha ha ha ha [ketawa]. Falsafah hidup saya? Itu soalan tak [tidak] perlu tanya pun. Sebagai seorang hamba Allah, kita mesti mengingati Allah, Maha Pencipta. Apa yang kita buat sekarang ini hanya untuk pada Dia [Allah]. Jadi kita mesti ada prinsip hidup dan kita mesti ikuti [mengikuti], patuhi prinsip itu. Tanpa.... aaa [berfikir] apa ni, cenderung kepada.., kepada.., selain daripada prinsip-prinsip [tidak jelas] kerana mungkin nak dapat habuan jer [sahaja]. Jadi berpegang pada itu.

**Natasha : Bilakah tuan mula menjejakkan kaki ke alam persekolahan?**

**Wahida : Sekolah rendahlah. Tahun berapa eh?**

Tuan Nor : Ohh, saya dah lupa. Tapi pada tahun 49 [1949] saya dilahirkan. Umur enam tahun saya masuk ke sekolah pada tahun [mengira tahun] 54 [1954] lah. Nama sekolah, dulu asal sekolah Melayu. Lepas tu [selepas itu], ditukarkan nama jadi Sekolah Umum. Lepas tu [selepas itu] ditukar jadi Sekolah Kebangsaan. Saya masuk ke sekolah ACS tadi, selepas darjah enam. Tahun 64 [1964] hingga 66 [1966] saya di King Edward, Taiping.

**Natasha : Bolehkah tuan ceritakan sedikit sebanyak keadaan sekolah pada waktu itu?**

Tuan Nor : Ohh sekolah masa itu jauh beza dengan sekarang. Masa sekolah Melayu itu lagi, primary school tu (sekolah rendah) nak naik darjah mesti ada peperiksaan. Kalau fail [gagal] peperiksaan itu, tidak boleh naik ke darjah satu, dua, tiga. Takde [tiada]. Jadi bila sampai darjah enam, ambil lagi peperiksaan. Kalau fail [gagal] pula peperiksaan itu, tidak boleh pergi ke sekolah menengah.

**Wahida : Tak boleh lanjutkan la?**

Tuan Nor : Tak boleh, bukan semudah sampai form five [tingkatan lima]. Tidak !

**Natasha : Dia ada peralihan la?**

Tuan Nor : Bukan, dahulu pun ada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Jadi di primary school [sekolah rendah] tu, katakanlah darjah enam nak pergi ke sekolah menengah. Tak kisahlah lima plus ke ataupun tingkatan satu ke, atau form 1 [tingkatan satu], mesti lulus peperiksaan. Tanpa lulus peperiksaan, tak boleh pergi ke tingkatan satu. Faham dak? [Faham tak?] Itu satu dia punya halangan la. Selepas masuk sekolah secondary [menengah], dia sampai ke tingkatan tiga. Tingkatan tiga pula ada peperiksaan pulak, dia panggil LCE (Lower Certificate Education), Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Dan disitu pula masa tu, sekiranya anda tidak menepati, memenuhi syarat dia, anda tidak boleh. Bila pergi masuk ke tingkatan empat, tidak boleh ambil Senior Cambridge, anda hanya layak ambil Malaysian Certificate Education (MCE). Itu satu lagi ada. Jadi kalau hendak [bib 2x mesej masuk] ambil Senior Cambridge, masa tingkatan empat anda mesti lulus pula Qualifying Test (QT). Qualifying Test tu nak masuk. Jadi boleh ambil dua-dua serentaklah maksud dia, ambil Senior Cambridge dan juga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Jadi, katakanlah (LCE) you [awak] dapat gred 2, katakanlah. Anda tak layak

untuk ambil Senior Cambridge bila tingkatan lima. Faham tak?

**Wahida :** **Ooo, faham-faham.**

Tuan Nor : Jadi kalau anda hendak juga Senior Cambridge tu,

**Wahida :** **Kena ambil lagi la? [menyampuk]**

Tuan Nor : Bukan, anda mesti duduk, menduduki peperiksaan Qualifying Test. Bila lulus Qualifying Test itu, baru boleh ambil Senior Cambridge atau SPM. Tak faham tanya betul-betul. Faham tak?

**Wahida:** **Haa, haa faham. [mengangguk]**

Tuan Nor : Jadi bila habis pula Cambridge atau tingkatan lima, habis Cambridge nak masuk ke tingkatan enam. Bukan semua orang boleh masuk ke tingkatan enam. Pertama sekali, aaa [berfikir] dia ada masa tingkatan lima tu ada peperiksaan. Sape [siapa] yang nak pergi ke ambil tingkatan enam, dia panggil Entrance Test. Mesti lulus Entrance Test, baru layak pergi ke tingkatan enam.

**Wahida :** **Kalau macam tak nak [tidak mahu] sambung ke...**

Tuan Nor : Haaa, tak payahlah. Terpulanglah, sebab masa dulu tanpa STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] ni, anda tidak dibenarkan masuk ke universiti. Masa itu ada Universiti Malaya dan UKM sahaja. Jadi dia punya competition [persaingan] itu is very great [sangat hebat].

**Wahida :** **Macam sekarang ni kan dah banyak U [universiti] kan?**

NURUL WAHIDA BINTI AZHAR (2015148975)
NOOR NATASHA NABILAH BINTI MOHAMAD AZIZ (2015143615)

Tuan Nor : Sekarang ni ada banyak U [universiti], jadi tak semestinya ada STPM. Haa itu beza dia, tak semestinya ada. Dulu Politeknik tak ada. Jadi Universiti Malaya, universiti UKM itu je [sahaja] yang ada. Jadi orang nak, pemilihan tu terlampau tinggi.

**Wahida : Terhad la?**

Tuan Nor : Jadi sekarang ini bila kata andainya anda lulus Entrance Exam untuk pergi ke tingkatan enam, bila cukup saja bulan Januari selepas ambil Cambridge tu anda pergilah masuk tingkatan enam. Katakanlah pula dah masuk Lower Six [tingkatan enam rendah], anda masuk dah, sudah beli buku semua, tiba-tiba Cambridge punya keputusan keluar bulan Mac. Result [keputusan] dia keluar newspaper [surat khabar] New Strait Times, anda fail [gagal], anda terpaksa keluar. Tak boleh sambung ke tingkatan enam. Haa itu prosedur masa dulu, tak semudahnya. Anda tidak tahu benda-benda ni.

**Wahida : Haa, tidak tahu.**

Tuan Nor : Haa ini saya bagi tahu. Itu sebab saya cakap anda semua bertuah. Sebab anda dapat peluang.

**Wahida : Iyalah, sekarang ni kan banyak peluang. Mudah hendak masuk ke kolej pun ada, Kolej Komuniti, semua ada banyaklah sekarang ni.**

Tuan Nor : Memang dulu tak ada. Tak pernah dengar pun Kolej Komuniti, tapi persoalannya kerana pembelajaran sekarang ini, dipermudahkan. Semua rakyat diberi kemudahan. Jadi masa dulu, competition [persaingan] terlalu hebat. Sape [siapa] dapat masuk universiti, memang seorang yang terror [hebat].Saya tak dapat, terus terang saya cakap, jujur saya cakap.

Competition is very great [persaingan sangat hebat]. Tambah nak jadi doktor la, memang.. memang susah.

**Wahida** : **Okay, masa tuan sekolah menengah, ada tak tuan menyertai apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan tentera?**

Tuan Nor : Saya di sekolah, saya ni kaki bangku. Saya tak ada masuk apa, tapi kerana nak dapatkan aaa [berfikir] apa ni, testimonial untuk berhenti sekolah, pergi masuk kadet. Tak dan [tidak sempat] pun pakai uniform, pergi masuk tenderfoot [kadet askar] pun tak lepas.

**Wahida** : **Kadet polis la?**

Tuan Nor : No [Tidak], kadet askar masa itu.

**Wahida** : **Hah, kadet askar? Ada eh?**

**Natasha** : Kadet askar ada. [menyampuk]

Tuan Nor : Kadet askar ada, tenderfoot [kadet askar] test pun tak dapat batch [kumpulan] dia pun. So [jadi], daripada games [permainan] semua memang kaki bangku. Saya hairan pun macam mana saya boleh masuk askar.

**Wahida** : **Ada pegang jawatan apa-apa tak?**

Tuan Nor : Tak ada. Bukan kaki prefect [pengawas], bukan apa hanya seorang nobody [bukan sesiapa] la.

NURUL WAHIDA BINTI AZHAR (2015148975)
NOOR NATASHA NABILAH BINTI MOHAMAD AZIZ (2015143615)

**Natasha** : **Ketika disekolah menengah, pernahkah tuan mendapat anugerah atau pengiktirafan sepanjang menuntut disekolah?**

**Wahida** : **Anugerah pelajar cemerlang ke. [menyampuk]**

Tuan Nor : Ohh, takde [tiada]. Ini geng kami semua krutt-krutt [nakal]. Ha ha ha [ketawa]. Dia masa itu ada empat kelas, form four [tingakatan empat]. Yang best [bagus] sekali sains, yang sikit turun adalah apa ni Arts, hebat juga. Yang lopong ni, pergi ke commerce. Masa itu dia panggil commerce la, commerce ni merangkumi subjek dia adalah termasuk Principle Account [Prinsip Akaun] dengan subjek commerce. Itu belajar IT semua macam vokasional la. Lepas itu yang last [akhir] sekali tu, dia dah tak tahu apa nak taruk [masukkan], dia panggil general [kebiasaan]. Itu betul-betul caca merba [mengarut]. Tapi tak kisah lah, subjek yang belajar sama.

**Wahida** : **Jadi belajar macam mana?**

Tuan Nor : Semua sama, tapi dia punya standard [tahap] tu kurang la. Macam A, B, C la. Saya tak faham macam mana korang [awak] punya kelas. Tapi tak semestinya banyak yang hebat daripada kelas saya itu.

**Natasha** : **Apakah peringkat tertinggi pertandingan yang pernah tuan sertai?**

Tuan Nor : Tak pernah [tidak pernah]. Satu benda pun tak [tiada].

**Wahida** : **Selepas tuan tamat persekolahan, ada tak tuan membuat kerja apa-apa?**

Tuan Nor : Takde, takde [tiada]. Saya ambil Cambridge umur saya 17 tahun, lepas

itu [bib 2x mesej masuk] bulan tiga result [keputusan] keluar, bulan lima terus masuk kadet.

**Natasha** : **Boleh tuan ceritakan serba sedikit sejarah bagaimana tuan dapat melanjutkan pelajaran?**

Tuan Nor : Menyambung pelajaran?

**Wahida** : **Tak sambung kan? [menyampuk]**

Tuan Nor : Tak, tak. Saya tak sempat, sebab dari form five [tingkatan lima], saya terus masuk ke Maktab Tentera Diraja untuk dua tahun.

**Wahida** : **Okay, dah habis pasal pelajaran. Lepas itu kita orang nak tahu pasal sejarah pekerjaan awal tuan.**

Tuan Nor : Saya... yang subjek di sekolah, subjek yang paling saya tidak suka sekali adalah sains dan math [matematik]. Betul, betul. Terus terang saya cakap, dan saya menyesal. Saya memang menyesal.

**Wahida** : **Sebab?**

Tuan Nor : Sebab suddenly (sekarang ini) banyak yang saya dapati subjek itu penting. Itu yang paling saya menyesal, semasa saya memberi ceramah saya memberitahu untuk fokus pada subjek itu. Jangan jadi macam saya, menyesal. Tapi mesti ada hikmahnya. Jadi bila saya masuk, ditauliahkan sebagai pegawai meriam 'artillery', bila saya tahu saya ditauliahkan, saya pergi berjumpa dengan instructor [pemberi arahan] saya dan menangis tak nak [tidak mahu] pergi ke pasukan meriam. Saya tidak berminat dengan meriam sebab pasukan meriam ini banyak melibatkan sains.

Kena belajar buka 'log book'. Pada masa dahulu, tak ada [tiada] komputer, tak ada [tiada] apa ni kalkulator. Semua guna dengan manual, bayangkan masa sekolah dulu ambil Senior Cambrige, saya ambil Principle Account [Prinsip Akaun]. Masa dulu, subjek itu bukan paper daripada Malaysia. Paper itu daripada UK (United Kingdom), Cambridge. Jadi cakap semua 'paun', 'pan', syiling, itu kena convert [tukarkan]. And [Dan] tiada kalkulator. You [awak] kena kira berapa 'pan' satu syiling. Berapa syiling satu 'paun'.

**Wahida : Lepas tu nak tukar macam mana dia punya formula?**

Tuan Nor : Tak ada [tiada]. Dalam tu ada table [jadual] sendiri, memang dah ada dah. Katakanlah, satu paun, sepuluh syiling. Sekarang ni 'pan' pun dah tak ada dah.

**Wahida : Semua guna kalkulator dah.**

Tuan Nor : Satu unit tu dah tak ada [tiada] dah. Jadi you [awak] bayangkan semua kira-kira dalam 'paun', 'pan', UK punya standard. Jadi itu yang bezakan, jadi kalkulator tak ada membantu. Memang tak ada. Sama juga dengan 'artillery' kena buka balik conscience, tangen apa semua. Sebab, sebab masalah dia dalam 'artillery' ni kita mesti tahu arah angin, kekuatan angin, jadi jarak semua tu kena kirakan semua. Jadi kita bila nak tembak sesuatu, kalau kawasan itu dekat, angin pula kuat, beratur pulak chart [sebutan tidak jelas] memang banyak gunakan sains. Jadi oleh kerana tak ada kalkulator, saintifik kalkulator, dia bagikan slide rule. Tahu apa slide rules?

**Wahida : Tak.**

Tuan Nor : Dia manual lah, kena tolak sana, kena betul-betul perati [focus]. Tolak sana, tolak sini. Memang saya tidak tahu satu benda pun. Itu kena belajar, memang pening kepala la. Tapi, syukur alhamdulillah lulus la juga.

**Wahida : Haa iyalah. Sebab minat la?**

Tuan Nor : Bukan saya minat, sebab terpaksa. Itu sebab saya duduk sekejap sahaja dengan meriam, lepas itu saya keluar. Saya minta keluar.

**Wahida : Lepas tuan habis belajar tu kan, pekerjaan awal sebelum menjadi tentera?**

Tuan Nor : Tak ada, saya pergi terus ke tentera. Saya tak tahu macam mana orang awam bekerja.

**Wahida : Pada umur berapa tuan sertai tentera?**

Tuan Nor : 18 tahun la.

**Wahida : Tak ada la duduk rumah dulu ke?**

Tuan Nor : Tak ada. Saya duduk rumah dengan mak bapak [ibubapa] pun hanya sehingga umur 17 tahun. Bawah ketiak mak. Masa [berfikir] walaupun keputusan SRP [Sijil Rendah Pelajaran] saya tu tak elok sangat, tapi orang tawarkan saya pergi KESEDAR. Tapi saya tak nak, anak mak.

**Natasha : Dari manakah tuan mendapat maklumat berkaitan ketenteraan ini?**

Tuan Nor : Ohh dulu, masa [sebutan tidak jelas] Team-team [kumpulan], masa tu

you must understand [awak perlu faham] keadaan keselamatan Negara apa ni agak terancam la. You [awak] ingat, saya hidup masa negara menghadapi darurat.

**Wahida : Masa tu tahun berapa eh?**

Tuan Nor : Tahun 60 (1960) baru habis darurat, diisytiharkan tamat bulan Jun. Lepas itu tahun 63 (1963), masuk era konfrontasi sehingga tahun 66 (1966). Saya habis peperiksaan tahun 66 (1966). Juga untuk maklumat anda semua, tahun aaa [berfikir] apa ni. Tak silap saya tahun 64 (1964), kerajaan British sudah mengumumkan untuk mengundur semua tentera mereka daripada Malaysia. Bila tamat saja konfrontasi, bermakna sekarang ini, ancaman negara kita akan diambil alih oleh Tentera Pasukan Keselamatan Negara kita sendiri mempertahankan negara. Orang tak ada, jadi tentera ini hendakkan orang ramai. Recruiting team [pasukan perekrutan] ni akan pergi ke sekolah-sekolah, menjemput orang masuk tentera. Jadi, dia datang KKE [Parti komunis] sebelum Cambridge lagi, form five [tingkatan lima] lagi, dia datang tanya siapa hendak masuk, apply [minta]. Dia bagikan application form [borang permohonan] dan buat forecast rizal katanya untuk pergi interview [temuduga]. Jadi saya pergi, saya pergi forecast rizal. Berlandaskan forecast rizal itu.

**Wahida : Forecast rizal?**

Tuan Nor : Ramalan la, keputusan ramalan Cambridge.

**Wahida : Ada tak syarat-syarat kelayakkan yang diperlukan untuk memasuki Cambridge? Semua boleh la?**

Tuan Nor : Aaa... [berfikir] itu mesti lulus sekurang-kurangnya third grade [gred ketiga], yang itu tahap kesihatan. Lepas itu dia panggil interview [temuduga], mesti lulus interview [temuduga] pulak. Lulus interview [temuduga] ni bukan bercakap macam ini, dakk [tidak]. Mula-mula dia pergi fizikal, lepas pergi ke fizikal pergi ke IQ Test. Lepas itu baru buat formal interview [temuduga rasmi]. Bersidang ramai orang masa tu dia tanya la. Seorang satu soalan.

**Natasha : Semasa memohon jawatan itu, sementara menunggu itu, apa perasaan tuan?**

Tuan Nor : Menunggu apa?

**Natasha : Menunggu ketenteraan itu, dapat ke tidak panggilan.**

Tuan Nor : Tak ada apa. Dapat, dapat lah. Tak ada, dah la. Infact [kenyataannya], saya apply [mohon] juga yang lain. Saya apply [mohon] aaaa [berfikir], masa itu dia panggil ITM.

**Natasha : UiTM sekarang la?**

Tuan Nor : Ya, ya. Masa dekat Jalan Osman. Tapi masa dulu, kebanyakkan kursus yang diadakan di ITM itu. kebanyakkan adalah kursusdibuat di UK [United Kingdom]. Disini hanya macam ACCA [Association of Certified Accountants], yang Accountancy [Akauntan] ni banyak. Yang local ni kebanyakkannya steno lebih kepada untuk aaa [berfikir] masa itu orang perempuan la. Jadi saya nak apply [mohon], katakan saya minat dengan Accountancy [Akauntan], ACCA [Association of Chartered Certified Accountants] tu. Tapi saya tak layak qualification [kelayakkan] itu sebab semua dia ikut British punya. Jadi tak layak. Saya minat juga, saya apply

NURUL WAHIDA BINTI AZHAR (2015148975)
NOOR NATASHA NABILAH BINTI MOHAMAD AZIZ (2015143615)

Technical College [Kolej Teknikal] universiti UTM sekarang ni lah. Masa dulu panggil kolej lagi, dekat Jalan Semarak. Dekat Gurney, dulu panggil Gurney. Hari yang saya dipanggil interview [temuduga] ke Technical College [Kolej Teknikal], persamaan pula hari saya diarahkan, saya sudah terima kadet. Diarahkan untuk pergi ke Maktab Tentera. Jadi, satu tak pasti, satu pasti. Jadi kalau saya tolak ketepi MTD [Maktab Tentera Diraja] ni, mungkin saya tak lulus, tak berjaya interview [temuduga] untuk Technical College. Jadi saya buat keputusan, saya masuk tentera. Itu je [sahaja].

**Wahida : Lepas dapat tentera tu, jawatan apa yang tuan pegang?**

Tuan Nor : Semua pegawai tentera, pangkat mereka yang pertama selepas ditauliahkan adalah sebagai Leftenan Muda, atau dalam Inggerisnya Second [kedua] Leftenan kalau dalam Tentera Darat. Kalau dalam Tentera Udara, ketika itu adalah dipanggil Pilot Officer [pegawai juruterbang]. Dan dalam Navy pula, dikekalkan pangkat dia Sub-Leftenan. Tapi sekarang Air Force gelaran pangkat itu dipersamakan dengan tentera darat. Tak ada dah Pilot Officer, tak da [tiada] Scoden Leader kalau Second Leftenan, Second Leftenan. Kalau Major, Major. Tapi Navy maintain [kekal], dia ada Leftenan lah, Kapten lah. Kapten Navy tak sama dengan Kapten Tentera Darat. Mesti faham tu. Ejaan pun beza, Kapten Army dengan Tentera Udara K.A.P.T.E.N [mengeja satu persatu]. Tetapi Kapten dalam Tentera Laut, K.E.P.T.E.N [mengeja satu persatu]. Haa, dia Kapten Tentera Laut bersamaan dengan Kolonel.Jadi kalau anda nak tulis surat kepada cournal dalam laut, mesti tuliskan K.E.P [mengeja satu persatu] Kepten Swenson. Diorang [mereka] faham.

**Natasha : Boleh tuan ceritakan skop tugas atau tanggungjawab tuan semasa tuan pegang jawatan itu?**

NURUL WAHIDA BINTI AZHAR (2015148975)
NOOR NATASHA NABILAH BINTI MOHAMAD AZIZ (2015143615)

Tuan Nor : Apa dia?

**Natasha : Boleh tuan ceritakan skop tugas atau tanggungjawab tuan semasa tuan pegang jawatan itu?**

Tuan Nor : Dimana? Bila?

**Natasha : Bila tuan mula-mula masuk tentera sebagai Leftenan?**

Tuan Nor : Ohh.. Saya seperti saya katakan tadi, saya ada pegawai meriam. Pasukan meriam ini adalah pasukan aaa [berfikir] orang panggil Supporting Unit. Dia tidak masuk secara macam Askar Melayu pergi masuk ke dalam hutan, pergi hambak [kejar] Komunis. Dak [Tidak]. Kami unit masa ketika itu, hanya tigarejimen meriam. Dan tiga rejimen ini terpaksa mengawal satu Malaysia. Jadi kami, macam saya, bawah saya ada tiga laras meriam. Tiga biji meriam la. Saya ditanggungjawabkan dengan meriam ini pergi ke Kebun Jati, Kangar dekat Perlis tu untuk memberi support [sokongan], bantuan kepada tentera darat. Kalau tentera darat hendakkan keperluan bantuan meriam, tanggungjawab saya untuk memberi bantuan tu. Jadi lepas itu, saya pula bawa meriam saya pergi ke Batu Melintang. Juga duk [ada] situ.

**Wahida : Batu Melintang tu dekat mana tu?**

Tuan Nor : Dekat Kelantan, Jeli. Masa dulu mana ada highway [lebuhraya], tak ada highway [lebuhraya]. Nak jalan, nak menyeberang sungai tu tak ada jambatan. Redah je dalam sungai tu pergi ke landasan.

**Wahida : Kampung saya la tu.**

NURUL WAHIDA BINTI AZHAR (2015148975)
NOOR NATASHA NABILAH BINTI MOHAMAD AZIZ (2015143615)

Tuan Nor : Iya ka? Haa saya boleh ceritakan kisah dulu. Jadi kami ditugaskan di merata-rata kerana keperluan keadaan semasa masa itu, tak kering peluh la. Memanjang dalam pergerakan.

**Wahida : Lepas pada tentera meriam tu, tahun berapa tuan pergi ke tentera?**

Tuan Nor : Lepas itu saya pergi jadi. Saya keluar dari meriam, saya masuk jadi seorang P Master (pegawai gaji).

**Wahida : Apa? (kurang jelas)**

Tuan Nor : (ulang balik). Pegawai gaji. Saya minat bidang tu, (nada perlahan sebab terlupa) tapi unit saya yang pertama adalah di Kelantan, Pengkalan Chepa. Tujuh melayu. Saya jadi pegawai gaji untuk pasukan tujuh melayu diraja. Bila tujuh melayu diraja pindah ke Miri, saya ikut. Daripada Miri tahun 73 (1973), TUDM mengundang pegawai tentera yang berminat untuk jadi helikopter pilot. Daripada Miri saya pun apply (memohon) lulus ujian. Lepas itu tahun 74 (1974) err (tersilap tahun) tahun 73 laa saya mengikuti kursus penerbangan laa selama setahun masa tu khusus untuk helikopter.

**Wahida : Lepas pada kursus tu, ada tak tuan sertai operasi apa- apa?**

Tuan Nor : Err, err… [berfikir] Apa ni, saya boleh ceritakan sejarah tentang NURI ini. Tapi tak apa. Memang tugas kami.

**Wahida : Sejarah sekejap lagi.**

Tuan Nor : Kami sebagai NURI, pilot [juruterbang] ni, satu Malaysia ni kami jaga. Kami NURI diperlukan untuk aaa [berfikir] apa ni untuk operasi-operasi

yang dilancarkan oleh tentera darat dan juga untuk pembangunan negara. Apa-apa sahaja keperluan memerlukan helikopter, NURI lah buat.

**Natasha : Apakah kursus yang pernah tuan hadiri?**

Tuan Nor : Kursus penerbangan satu, kursus meriam kena, kursus pegawai gaji kenalah itu adalah basic [asas]. Lepas itu saya pergi kursus, errr apa ni [berfikir] kursus turus Maktab Staff Polis.

**Wahida : Itu kursus untuk apa eh?**

Tuan Nor : Salah satu kursus yang untuk berjayalah seseorang itu. Macam saya, saya buat kursus itu di Bangladesh selama setahun.

**Wahida : Ohh, Bangladesh.**

Tuan Nor : Tahun 81 [1981].

**Natasha : Siapakah yang tuan jadikan sebagai idola atau role model dalam hidup tuan untuk berjaya?**

**Wahida : Tuan masuk pasukan tentera ni, ada tak tuan mengikuti jejak ayah tuan ke?**

**Natasha : Ke memang minat?**

Tuan Nor : Dalam keluarga saya sendiri tak ada. Pak manakan [bapa saudara] saya ada. Dia meninggal pun meninggal dua, tiga tahun sudah. Pangkat akhir dia Koperal. Dia seorang je ada, yang lain semua tak ada dalam tentera. Idola? Jujur saya katakan, idola ni errr [berfikir]. Artis-artis tu forget

[lupakan] la. Tapi saya banyak membaca, lebihkan kepada kepimpinan la. Saya nak kata jujur, sayang pada Rasullulah tu lain la. Tak adalah, tak ada apa yang nak membanggakan. Tapi, saya banyaklah membaca. Siapa yang berjaya tu, itulah idola. Berjaya itu tak semestinya hanya orang yang berpangkat tinggi, tidak. Sama juga dengan orang bawah-bawah ni yang errr [berfikir], mekanik pun saya idola.

**Wahida : Yela, atas kerja yang dia buat la.**

Tuan Nor : Haaa, atas kerja yang dia buat la. Itu yang perlu.

**Natasha : Adakah kerjaya sebagai tentera ini merupakan kerjaya pilihan utama tuan?**

Tuan Nor : Kerjaya utama? Nak kata utama tu tidak. Macam saya katakan tadi la, daripada awal saya nak masuk UTM dan nak masuk ITM. Tak layak. Jadi mana yang datang dulu la. Masa dulu, peluang banyak. Tapi kelulusan tak ada. Hendak ikut tu, tak ada pula kelulusan. Nak masuk universiti, kalau masuk UTM masa itu, hanya diploma. Sebab saya tak ada STPM, ini mesti ingat. Agriculture college [kolej pertanian] masa itu ia tak panggil UPM, dia panggil Agriculture college sahaja. Mesti ada degree [ijazah], eh mesti ada STPM. [tersilap sebut]

**Wahida : Terpaksa ke macam mana masuk tentera ni?**

Tuan Nor : Terpaksa. Nak kata terpaksa tidak juga. [bib 2x mesej masuk] Boleh masuk RISDA, kawan saya masuk RISDA. Masa dulu, untuk maklumat, dengan SRP anda boleh masuk jadi cikgu. Beza tahu tak? Dulu tak ada IPG, Institut Perguruan ni. Dia tak ada. Masa tu nak adakan banyak guru, dia adakan dia panggil DTC (D Traning Center). LCE atau SRP punya

sijil dia boleh masuk DTC. Dengan Cambridge ataupun SPM boleh masuk MTC (Malaysian Teachers College). Ataupun RTC (Regional Training College) you [awak] buat part time [sementara] je. Ataupun pergi ke Melaka, err apa ni [berfikir] tak ingat [ayat tidak jelas]. Ataupun pergi ke LI (Language Institude), sekarang ni IPG dekat Lembah Pantai tu. Itu beza. Jadi peluang banyak, cikgu memang tak minat.

**Wahida : Haa okay, sekarang kita nak masuk part [bahagian] paling penting. Boleh tak tuan ceritakan pengalaman yang tidak dapat tuan lupakan semasa menjadi seorang anggota tentera?**

Tuan Nor : Saya tumpukan, kursuskan kepada kerjaya saya sebagai seorang pilot. Err, saya tak pernah, walaupun saya dalam tentera, saya tak pernah orang kata sebelum satu insiden tu, tahu bagaimana orang bertempurlah atau bunyi orang bertempur. Tapi ada satu insiden semasa saya jadi masa tu co-pilot dekat Gubir. Dekat Gubir tahun 75 [1975], sepuluh, sepuluh [mengulangi] April tahun 75. Saya ingat tarikh tu sebab 9 April saya punya birthday [hari lahir].

**Wahida : Tahun 75 [1975]?**

Tuan Nor : Haa, tahun 75 [1975]. Kami daripada Butterworth, kena cerita daripada semula la. Sebelum tahun 77 [1977], sebelum Februari tahun 77 semua NURI yang berada di semenanjung ni, dia punya skoden, lokasi adalah di Kuantan. Daripada Kuantan, kami beroperasi seluruh semenanjung. Sementara di Sarawak dan Sabah pula, pangkalan NURI ni adalah di Kuching. Dia merangkumi [ring 2x telefon berdering] tugasan dia merangkumi Sabah dan Sarawak, seluruh Sabah dan Sarawak. Jadi di semenanjung ni balik, apa-apa keperluan NURI datangnya daripada Kuantan. Kawasan err [ayat tergantung]. Untuk pengetahuan juga,

sepanjang daripada Kelantan hingga ke Kuala Kedah tu, sepanjang sempadan tu ada operasi dijalankan oleh tentera darat. Sepanjang! Semenjak tahun enam puluh lapan [68] lagi. Jadi dia letakkan pos-pos tentera darat di sepanjang, tak semestinya sepanjang [tidak jelas]. Sebab sempadan kita ni senang dibolos oleh Komunis. Jadi dia masuk dan pergi la buat kacau bilau di tempat lain. Jadi tentera darat letakkan [ayat tergantung]. Jadi tugas NURI ni adalah untuk menghantar troop dan juga makanan, dan juga membawa keluar orang daripada sempadan ni.

**Wahida : Keluarkan siapa?**

Tuan Nor : Askar. Mereka yang askar-askar ni yang duduk didalam kawasan sempadan ni, mereka duduk lebih kurang dua bulan. Dalam dua bulan tu, mereka buat ronda, errr apa ni [berfikir], menghalang Komunis masuk, menyeberang masuk ke negara kita la.

**Wahida : Kira ambil troop tu dari satu sempadan, hantar ke sempadan lain?**

Tuan Nor : Ehh dak [mengulangi tiga kali], dia rotate [berputar]. Katalah satu Melayu, katakanlah eh. Satu Melayu punya giliran sekarang masuk kawasan sempadan, mereka ni [ayat tergantung]. Okay [baiklah], kalau sebelah Kedah ni mereka akan pergi dibawa dengan transport [kenderaan] sama ada dengan keretapi atau trak pergi ke Gubir. Daripada Gubir, NURI akan bawa mereka masuk ke kawasan pos-pos disempadan. Hanya boleh dilalui melalui udara. Tak dak [Tiada] jalan-jalan ni, tak dak [tiada]. Itu adalah hutan tara.

**Wahida : Gubir ni dekat mana eh?**

Tuan Nor : Sik tahu tak?

**Wahida : Sik tahu.**

Tuan Nor : Haa dekat-dekat situ lah. Pedu dam [empangan pedu] tahu?

**Wahida : Tak tahu.**

Tuan Nor : Susah la. Okay [Baiklah], Google.

**Wahida : Hahaha [ketawa], okay [baiklah].**

Tuan Nor : Haa Google, Google. Itu salah satu, sama juga dengan Batu Melintang. Semua troop akan pergi ke Batu Melintang untuk menjaga sempadan dikawasan Kelantan. Pergi sampai di Batu Melintang, daripada Batu Melintang untuk memasuki pos-pos disempadan negeri Kelantan tu hanya dilakukan oleh NURI. Mereka duduk disana selama dua bulan, dua atau tiga bulan. Tiap-tiap minggu, akan dihantar pula makanan. Yang melakukannya adalah NURI. Selain daripada itu, dalam, dalam [mengulangi dua kali] dikawasan pendalaman terutama sekali Kedah dengan apa ni [cuba mengingati] Kelantan dengan Perak. You [Awak] orang Kelantan mesti pernah dengar pos-pos Khoi yang baru ni ada budak-budak hilang mati, budak sekolah tu. Haa itu masa dulu mana boleh naik dengan kereta, semua dengan helikopter. Saya tahu sangat dengan kawasan tu, kawasan itu dipanggilkan kawasan Bamboo, Ops [Operasi] Bamboo. Operasi ini dikendalikan oleh polis. Tujuan dia adalah, tujuan polis ni ada ditempat kawasan pendalaman ni adalah untuk menghalang Komunis mempengaruhi orang asli.

**Wahida : Masa tu orang asli dah ada la?**

Tuan Nor : Orang asli hidup, tinggal di Malaysia ni lebih lama daripada kita. Depa

[Mereka] punya keturunan memang duduk disini. Orang Melayu baru.

**Wahida : Ha ha ha [ketawa].**

Tuan Nor : Itu sebab panggil dia orang, orang asli. Mereka lebih lama duduk di Malaysia, di Malaya.

**Wahida : Jadi, pengalaman tuan?**

Tuan Nor : Haa, jadi dalam insiden tersebut kerana kerap buat tugas disempadan ni, kami membuat orang panggil detachment [pemisahan] ataupun membuat tumpangan sementara di Butterworth. Sebiji, dua biji NURI terpulang kepada keadaan, kami bergilir lah daripada Kuantan datang ke Butterworth duduk seminggu buat tugas. Jadi satu hari tu pada sepuluh April tu, saya masa itu co-pilot. NURI ada dua buah, ditempatkan di Butterworth. Pagi tu saya dengan kapten saya terbang daripada pangkalan Butterworth pergi ke Sungai Petani, enam brigade [pasukan]. Sampai Sungai Petani, pegawai risik Sungai Petani Kapten Harjeet Singh, saya kenal dia. Dia kata, Nor, Mes [tempat makan tentera] kita pergi ke Mes untuk pergi ambil sarapan. Saya pun pergi lah, saya pergi ke Mes. Mes tu tempat pegawai makan la. Lepas makan tu dia kata, Nor, saya nak pergi ke Gubir. Dia pergi dengan Land Rover. See you at Gubir [Jumpa awak dekat Gubir], dia kata. Lepas itu, dia pun pergi naik kereta konvoi. Saya pun terbang, terbang ke Gubir. Bila sampai Gubir, kami pun buat la tugas bawa hantar ration [catuan makanan] semua ni. Lepas itu, berhenti sekejap untuk isi minyak. Tengah- tengah isi minyak tu, semua orang yang berada dekat kem tu terdengar bunyi tembakan la. Bertubi-tubi tembak, dengar. Sikit lagi saya tengok sebuah Land Rover, Land Rover tu tak dak [tiada] bumbung la. Meluru masuk ke tempat

NURI diletakkan di padang tu, tengok berlubang-lubang.

**Wahida : Masa tu tuan pergi dengan NURI? Kawan tuan tu pergi dengan Land Rover?**

Tuan Nor : Dengan NURI lah, saya pilot [juruterbang] takde [tiada] kena mengena. Sebab tu saya kata, daripada Butterworth saya terbang ke Sungai Petani. Daripada Sungai Petani saya bawa pesawat saya ke Gubir, Gubir pergi ke port enjin lokasi [sebutan tidak jelas]. Balik, terbang balik ke Gubir isi minyak. Yang kawan saya tu tadi, dia naik Land Rover. Saya cakap sebagai pilot [juruterbang] la, bukan sebagai [sebutan tidak jelas]. Bila ditanya driver [pemandu] Land Rover yang masuk tu, apa yang berlaku? Dia kata semasa konvoi tu, termasuk Harjeet Singh ni menuju ke satu lokasi daripada Gubir tu nak pergi ke nama temapat dia M.O.N.G [mengeja satu-persatu] Gajah. Konvoi itu telah diserang hendap.

**Wahida : Diserang?**

Tuan Nor : Serang hendap, ambush. Bila diserang hendap lima orang mati.

**Natasha : Berapa semua jumlah orang yang [ayat tergantung]**

Tuan Nor : Lebih kurang seratus orang, tapi group [kumpulan] pertama tu sudah pergi cepat.

**Wahida : Ooo, yang tu la yang kena? [menyampuk]**

Tuan Nor : Yang tu yang kena. Dan yang lain-lain tu tak dapat membantu kerana keadaan topografi tempat tu, dia macam bukit. Komunis duk [berada] atas. Ini trak [kenderaan askar], lepas tu turun camni [menunjukkan

curam]. Jadi bila konvoi itu sampai sini, komunis tembak. Mereka naknaik bukit mati. Bila naik turun curam ni pulak komunis sudah pasang jerangkap samar. Jadi, lima orang yang mati disini kena tembak. Ada jugak orang yang dalam konvoi ni terjun daripada trak berlari ke lereng bukit, cedera pulak kena jerangkap samar.

**Wahida : Kawan tuan yang [mencelah]**

Tuan Nor : Dia dalam konvoi yang pertama.

**Wahida : Ooo, dia dalam konvoi pertama.**

Tuan Nor : Dia mati dan yang eskort [mengiringi] tu pun mati. Lima orang mati. Bila kejadian tu berlaku saja, kami pesawat NURI ni diiringi oleh Gunship [nama helikoper yang kecil] iaitu helikopter MachineGun. Pilot tu pun kawan saya jugalah. Dia terbang ke lokasi tu. Tu yang orang kata kemungkinan kerana kehadiran Gunship tu, dikawasan operasi tu, komunis pun cabut [lari]. Tapi sebelum depa [mereka] cabut, depa [mereka] sempat pergi ambil senjata, radio set yang orang mati tu. Tak lama kemudian, pesawat yang kedua daripada Butterworth, saya kata ada dua tadi kan? [memberi penjelasan] pun tiba. Pesawat kedua ni diarahkan untuk pergi ambil mangsa-mangsa tadi. Yang kapten pesawat kedua ni dia tak tahu lokasi tuh. Jadi dia kata dia mintak [meminta] saya tolong dia sebagai passenger [penumpang] untuk ikut dia tunjukkan jalan, tunjukkan lokasi tu. Kapten saya kata okaylah, Nor ikutlah. Saya pun ikut tumpang, bukan saya terbang. Saya tumpang pesawat kawan saya tu pergi ke lokasi tu. Track [kawasan] tempat kejadian tu kecil tahu tak? [menjelaskan]. Jadi kapten pesawat kedua ni terpaksa terapunglah. Pesawat dia kena terapung then [kemudian] turunkan hoist [pengangkat] untuk angkat mayat tu.

**Wahida** : **Yang truck-truck [kenderaan tentera] kat belakang tu dia patah balik ke?**

Tuan Nor : Tak boleh. Depa [mereka] dah [ayat tergantung]. Sebab tu depa [mereka] tunggu la situ.

**Wahida** : **Oh tunggu situlah.**

Tuan Nor : Haa, ya ya tunggu situ [mengiyakan] la. Sebab nak buat search [pencarian] lepas tu lagi. Ada lagi operasi akan apanya la. Bila nak naikkan mayat tu, pakai tali naik ke atas, hoist [pengangkat] dipanggilkan hoist, secara vincion tu. Quarter Master, Quater Master tu adalah orang yang membantu juruterbang. Dia duduk dibelakang, akan ditunjukkan arah, dia tengok keadaan keselamatan dan dia dipertanggungjawab untuk menaikkan pesakit semua ni. Dia pun naik, bila tali tu dah sampai ke pintu untuk ditarik masuk ke dalam pesawat, dia tak dapat sebab sebelah tangan dia kena main laver [tuas] la.Saya pun pergi bantu Quarter Master, nama dia Sarjan Salahudin. Saya pelukkan, saya peluk.

**Wahida** : **Tuan turunlah? [mencelah]**

Tuan Nor : Tak. Tak. Saya hover [melayang-layang]. Semua pesawat terapung. Saya terapung, pesawat terapung, bukan saya terapung. Pesawat tu terapung sebab dia tak boleh mendarat sebab kawasan sempit. Ini keadaan sebelum terapung. Bila Quarter Master ni nak tarik masuk, dia tak boleh. Dia hadapi masalah sikit. So [jadi], saya pergilah bantu. Saya peluk Harjeet Singh.tu dekat badan saya macam ni [menunjuk cara pegang] dengan meleleh, dengan bau, tariklah. Tarik bawa masuk. Baju saya, plain shirt [t-shirt kosong] saya pun habis dah dengan darah-darah,

dengan bau, dengan hanyirnya. Lepas tu tinggalkan sekejap lagi empat orang, Kapten pesawat tu kata okay kita hantar balik Harjeet Singh. Dihantar balik ke Gubir, saya pun turunlah sebab dia sudah tahu tempat tu. Insiden tu saya tak boleh lupa walaupun tak terlibat. Tapi sebab pagi tu kami sama- sama, minum sama- sama.

**Wahida : Benda tu sekejap je kan jadi [mencelah].**

Tuan Nor : Tahun berapa? Err [berfikir]. Empat lima tahun sudah la. Isteri Harjeet Singh ni sudah hantar email kepada saya. Dia kata dia duduk di England. Dia kata dia baru setahun kahwin dengan Harjeet Singh. Lepas itu, jadi kejadian tu. Bila dia tengok mayat suami dia, dia tengok lapan belas lubang dalam mayat tu. Dia ucapkan terima kasih pada saya kerana menceritakan kisah Harjeet Singh tu. Dan sekarang pasal pengalaman saya sendiri pulak [pula], ada satu insiden di nama tempat dia Kelian Intan dekat Perak. Saya... [terhenti]

**Wahida : Apa?**

Tuan Nor : Kelian. K.E.L.I.A.N [mengeja satu persatu] di Perak. Saya ditugaskan untuk menghantar makanan kepada pasukan polis hutan. Sekarang ni panggil PJA yang beroperasi dekat sempadan. Jadi daripada Kelian Intan, saya pergi. Ada dua lokasi saya kena hantar ration [catuan makan]. Saya pun mendarat di satu lokasi pertama. Pesawat saya diiringi oleh Gunship, Edward Gunship dia ikut sekali. Kawasan tu sempadan. Mendarat saja saya pun serahkan control [kawalan] pesawat tu kepada co-pilot [pembantu juruterbang] saya. Yahya, nama Leftenan Yahya. So [jadi], saya kata kepada Yahya, Yahya "you have control" [kamu kena kawal]. Dia pegang control pesawat tu. Saya pulak tengok maps [peta] untuk nak study [belajar] lokasi kedua yang saya akan pergi [bib 2x mesej masuk].

Saya tengok map [peta], keadaan map [peta] tu berapa jauh saya kira. Pastu [Lepas itu] master saya yang duk [duduk] belakang tu, apa tu bagitahu. No, no [tidak]. Co-pilot saya bagitahu "kapten, kita kena tembak". Saya pun tengok keatas tengok, jenguk tengok [meihat keluar] ikut tingkap. Saya tengok semua anggota- anggota pasukan polis hutan semua berlari mencari perlindungan. Lepas itu saya pun bagi arahan kepada Quarter Master saya. "Okay TQM, take off". Makna saya nak berlepas. Dia mesti bagi lulus. Dia mesti bagi kelulusan sebab saya tak tahu apa belakang saya.

**Wahida : Ya. Ya. Ya [mengiyakan]**

Tuan Nor : Samada pokok tahu tak.

**Wahida : Ya. Ya. Ya [mengiyakan]**

Tuan Nor : So [jadi] dia diam. Saya kata "TQM, take off !". Saya bagi lagi arahan. Diam jugak. Lepas tu saya kalih [toleh] belakang, saya kalih belakang dia macam terkaku tahu. Tergamam.

**Wahida : Kenapa ehh?**

Tuan Nor : Orang kena tembak. Bukan apa, kawasan tu NURI dijadikan sasaran.

**Natasha : Ramai ke yang terkorban? [menyampuk]**

Tuan Nor : Tak. Dia bukan tembak dengan senapang. Dia sudah tembak dengan grenade.

**Wahida : Apa?**

Tuan Nor : Grenade.

**Natasha : Grenade tu apa?**

Tuan Nor : Bom la. Senang. Bom.

**Wahida : Tuan tak perasan la yang belakang-belakang tu? [bib 2x mesej masuk].**

Tuan Nor : Bukan. Saya. Macam saya kata tadi saya tak perasan yang apa ni pesawat saya ditembak. Sebab saya tengah focus [tumpu] dengan map [peta]. Faham tak?

**Natasha : Ooo. Okay. Okay. [mengangguk faham]**

